

BIOGRAFI SHAIKH MUHAMMAD ‘UTHMĀN AL-MIRGHĀNĪ (1208H/1793-4M. - 1268H./1852-3M.) DAN SUMBANGANNYA TERHADAP PEMBENTUKAN TAREKAT KHATMIYYAH

Oleh:

Che Zarrina Sa’ari

Abstract

This article aims to highlight the founder of the Khatmiyyah Order that spread widely in the Sudan. It tries to gather information about Shaykh Muḥammad ‘Uthmān al-Mirghānī who played an important role in organizing and developing the order. As a disciple of a well-known reformist, Shaykh Ahmad b. Idrīs al-Mirghānī is considered a reformist as well. Accordingly, this article also attempts to describe his contribution to sufism.

PENDAHULUAN

Pada kurun ke 18M, ramai umat Islam telah menyedari tentang kemerosotan dan kejatuhan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Islam. Ada yang berpandangan, ia berpunca dari kejatuhan kerajaan Islam dan Kota Baghdaḍ kepada kekuasaan Mongul yang menyebabkan kejatuhan umat Islam. Lantas mereka telah menjalani proses pemodenisasian yang panjang untuk membangunkan kembali umat Islam. Manakala setengah pihak yang lain melihat kelemahan tersebut disebabkan kejatuhan nilai agama dan moral di kalangan umat Islam. Justeru itu mereka telah berjuang untuk mereformasikan kebangkitan umat Islam dari aspek pembangunan spiritual. Usaha-usaha yang dijalani oleh golongan kedua ini telah memainkan peranan yang amat vital dalam membentuk dunia moden Islam. Dalam konteks inilah, pada kurun ke 19M. munculnya sebuah organisasi tarekat yang dikenali sebagai Tarekat Khatmiyyah yang berkembang pesat di sebuah negara Islam iaitu Sudan.

MUHAMMAD ‘UTHMĀN AL-MIRGHĀNĪ

Salah seorang murid istimewa Shaikh Ahmad b. Idris,¹ pendiri Tarekat Ahmadiyyah, ialah Muhammad ‘Uthmān al-Mirghānī. Beliau adalah pengikut yang sentiasa bergiat cergas dalam mengembangkan Tarekat Ahmadiyyah. Tarekat yang berkembang pada kurun ke 19M. ini kemudiannya menjadi asas penting pembentukan Tarekat Khatmiyyah.²

Muhammad ‘Uthmān al-Mirghānī dilahirkan dan dibesarkan di Hijāz. Latarbelakang keluarganya yang mempunyai kedudukan yang kukuh dalam masyarakat, telah membantunya memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai pengikut Shaikh Ahmad dalam mengembangkan Tarekat Ahmadiyyah. Secara tidak langsung, situasi tersebut telah dapat mempercepatkan lagi perkembangan Tarekat Ahmadiyyah di bawah pimpinan al-Mirghānī berbeza dengan tarekat yang didirikan oleh murid-murid Shaikh Ahmad yang lain.³

Semasa al-Mirghānī dilahirkan pada tahun 1208H/1793-4M. di Salamah, berdekatan dengan Tā‘if, keluarga yang berketurunan dari keluarga *sharīf* telah pun dikenali ramai di Kota Hijāz. Sebelum ke Kota Hijāz, keluarga ini menetap di Baghdād dan kemudiannya berpindah ke India serta seterusnya ke Hijāz. Mereka dipandang tinggi oleh masyarakat setempat kerana kealiman dankekayaan mereka; di samping silsilah keturunan mereka yang berakhir dengan Nabi Muhammad s.a.w. sendiri.⁴ Keluarga ini mempunyai pengikut dan penyokong yang ramai, yang kebanyakannya berasal dari Asia Tengah.⁵

¹ Che Zarrina Sa’ari, “Biografi Shaikh Ahmad b. Idris dan Sumbangannya Terhadap Alam Kesufian”, *Jurnal AFKAR*, Bil. 1, Jun 2000, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 33-54.

² J.S. Trimingham, *Islam in the Sudan*, Frank Cass and Co. Ltd., London, 1983, hlm. 232.

³ John Obert Voll, *A History of Khatmiyyah Tariqah in the Sudan*, Cambridge, Massachusattes, 1968, hlm. 103.

⁴ Keturunan dan nasab mereka telah pun dikaji dan ditulis oleh Muhammed Murtadā iaitu seorang ahli sejarah. Lihat ‘Abd al-Rahmān al-Jibārī, *‘Ajā’ib al-Āthār fi Tarājim wa al-Akhār*, Jil. 3, Kaherah, 1322H./1904M., hlm. 255.

⁵ Misalnya, datuk kepada al-Mirghānī telah menceritakan bahawa ketika berlangsungnya pertemuan antara beliau dengan para *hujjāj* dari Bukhara, mereka telah membawa hadiah-hadiah kepada beliau. Lihat Muhammed ‘Uthmān al-Mirghānī, *‘ul-Nafahāt al-Makkiyyah wa al-Lamahāt al-Haqiqiyah* dalam *Majmū‘ah al-Nafahāt al-Rabbāniyyah*, Ahmad Sa‘d ‘Ali (ed.), Kaherah, 1370H./1950M., hlm. 61. Menurut A. Le Chatelier, tradisi mengurniakan hadiah kepada keluarga ulama’ oleh para *hujjāj* telah berlangsung sejak lama dahulu. Lihat A. Le Chatelier, *Les Confréries Musulmanes du Hedjaz*, Paris, 1887, hlm. 226; John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 104; J. S. Trimingham (1983), *op.cit.*, hlm. 232.

Biografi dan Sumbangan Sheikh Muhammad ‘Uthmān al-Mirghānī (Tarekat Khatmiyyah)

Kekayaan keluarga al-Mirghānī dapat dilihat pada gelaran yang dipakai oleh keluarga itu sendiri iaitu “al-Mirghānī” yang bermaksud “orang suci yang kaya”.⁶ Gelaran ini telah diberikan oleh para *ḥujjāj* kepada nenek moyang al-Mirghānī kerana usaha-usaha mereka melayani para haji tersebut.⁷ Ini merupakan salah satu faktor kemasyhuran mereka sehingga kira-kira pada akhir kurun ke 18M. Bapa beliau Muhammad b. Abū Bakr dan datuk beliau ‘Abd Allāh b. Ibrāhīm b. Ḥasan yang lebih dikenali sebagai al-Mahjūb al-Mirghānī, berjaya meletakkan dirinya sebagai orang yang paling dihormati pada masa tersebut dan turut dikenali sebagai ahli sufi yang masyhur.⁸ ‘Abd Allāh al-Mahjūb telah mendirikan sebuah tarekat yang dikenali sebagai Tarekat Mirghāniyyah. Walau bagaimanapun, tarekat ini dikatakan tidak bergerak secara formal sebagai sebuah organisasi tarekat tetapi amat menekankan soal-soal latihan kerohanian.⁹ Selain itu, al-Mahjūb berjaya mewujudkan jaringan hubungan yang luas dengan para *ulama'* di seluruh dunia Islam, di samping beliau juga merupakan ahli kepada kumpulan pemikir reformis yang berada di Hijāz. Beliau telah dikunjungi oleh ramai ulama yang datang dari Afrika Utara dan India untuk belajar darinya. Beliau juga mempunyai hubungan rapat dengan komuniti ulama' di Mesir serta berjaya melahirkan ramai ulama' terkenal.¹⁰

Tidak lama selepas kematian ‘Abd Allāh al-Mahjūb pada tahun 1207H./1792M., al-Mirghānī pula dilahirkan iaitu setahun selepas kematian datuknya.¹¹ Ketika beliau berumur tujuh tahun, ibunya meninggal dunia dan diikuti oleh bapanya semasa beliau berusia sepuluh tahun. Tugas memelihara dan membesarinya diambil alih oleh bapa saudaranya Muhammad Yāsīn b. ‘Abd Allāh al-Mahjūb al-Mirghānī, seorang sufi dan ‘ālim terkenal di Makkah. Al-Mirghānī mendapat pendidikan yang baik dalam soal-

⁶ Thomas Patrick Hughes, *A Dictionary of Islam*, London, 1885, hlm. 350.

⁷ Gelaran *Mir* adalah suatu gelaran kehormatan yang digunakan oleh keturunan Nabi Muḥammad s.‘a.w. yang seringkali digunakan untuk keturunan Sayyid atau keturunan Sayyidatinā Fātimah r.‘a. Thomas Hughes, *op.cit.*, hlm. 350.

⁸ Al-Jibartī, *op. cit.*, Jil. 2, hlm. 255. ‘Abd AlFah al-Mahjūb mempunyai hubungan dengan ulama'-ulama' dari seluruh negara Islam. Lihat *ibid.*, Jil. 2, hlm. 29, 76-77; Bernard Lanes, *The Middle East and the West*, Indiana University Press, Bloomington Indiana, 1964, hlm. 97.

⁹ John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 107.

¹⁰ Al-Jibartī, *op.cit.*, Jil.2, hlm. 29, 76-77; Bernard Lewis, *The Middle East and the West*, Indiana University Press, Bloomington, Indiana, 1964, hlm. 97.

¹¹ Muhammad ‘Uthmān b. Muhammad ‘Alī Abī Bakr al-Khatm al-Mirghānī, *Tāj al-Tafāsir li Kalām al-Mālik al-Kabīr*, Tahqīq oleh Al-Ḥājj ‘Abd al-Salām b. Muhammad b. Shaqrūn, Kaherah, 1375H./1956M., hlm. 2; John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 108.

soal keagamaan dan dicatatkan sebagai pelajar yang pintar dan mampu menguasai bidang agama tersebut semasa usianya masih muda iaitu kira-kira lima belas tahun.¹² Kebijaksanaan beliau diungkap sebagaimana berikut:

In his childhood Muḥammad ‘Uthmān, who was said to have been a brilliant pupil, memorized the Qurān and was instructed by his uncle in the exoteric sciences (*‘ulūm al-zāhir*) such as grammar, rhetoric, fiqh and tafsīr (Qurānic exegesis). By the age of thirteen and fourteen, he had already acquired a sound knowledge of these Islamic sciences. Having studied the exoteric religious sciences and Mālikī law, Muḥammad ‘Uthmān, then aged about fifteen years, decided to combine them with the esoteric sciences (*‘ulum al-haqīqā*, lit. “the sciences of the Reality, i.e. of God”), that is Sufism.¹³

PENGLIBATAN AL-MIRGHĀNĪ DALAM TAREKAT

Al-Mirghānī menaruh minat yang mendalam dalam bidang tasawuf dan turut terlibat dengan beberapa buah tarekat yang berkembang pada masa tersebut. Guru pertama beliau dalam bidang ini ialah bapanya sendiri yang memimpin Tarekat Naqshabandiyah.¹⁴ Walau bagaimanapun, biografi al-Mirghānī menunjukkan sekurang-kurangnya terdapat empat nama lain yang menjadi guru beliau dalam tarekat tersebut. Al-Mirghānī menyebut gurunya itu sebagai Shaikh Ahmad b. Muḥammad Bannā al-Makki, diikuti oleh Sa‘id al-Amūdi al-Makki yang mempunyai *circlenya* tersendiri di Jabal Abū Qubays, Makkah. Al-‘Amūdi cukup dikenali dengan bacaan-bacaan zikir dan doa susunannya terutamanya *Dalā'il al-Khairāt*. Beliau jugalah yang menarik al-Mirghānī kepada Tarekat Qādiriyah dan Shādhiliyyah serta mengajarnya pemikiran Ibn ‘Arabī melalui kitabnya iaitu *Dawr al-A‘lā*. Guru ketiga al-Mirghānī ialah Ahmad b. ‘Abd al-Karīm al-Azbaķī yang dikatakan sebagai salah seorang yang bertanggungjawab memperkenalkan al-Mirghānī kepada Shaikh Ahmad b. Idrīs. Sementara menurut Trimingham, al-Mirghānī juga turut berguru kepada ‘Abd al-

¹² J. S. Trimingham (1983), *op. cit.*, hlm. 232; al-Mirghānī, *op. cit.*, hlm. 1; Muḥammad b. ‘Abd al-Majid al-Sarrāj, *al-Manāhij al-‘Aliyyah fi Tarājim al-Sadah al-Mirghānī*; Khartoum, 1374H./1955M. hlm. 23-24. Lihat juga John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 108-109.

¹³ Ali Salih Karrar, *The Sufi Brotherhoods in Sudan*, C. Hurst & Co., London, 1992, hlm. 56.

¹⁴ Muḥammad b. ‘Abd al-Majid al-Sarrāj, *op.cit.*, hlm. 21. Lihat juga John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 109.

Biografi dan Sumbangan Sheikh Muḥammad ‘Uthmān al-Mirghānī (Tarekat Khatmiyyah)

Rahmān b. Sulaimān al-Aḥḍāl iaitu mufti Zabid.¹⁵

Selain itu, al-Mirghānī turut mengamalkan ajaran beberapa tarekat lain seperti Qādiriyyah, Shādhiliyyah dan tarekat datuknya sendiri, Mirghānīyyah. Walau bagaimanapun, pengaruh yang paling kuat diterima oleh al-Mirghānī selain dari Tarekat Naqshabandiyyah ialah pengaruh Tarekat Ahmadiyyah al-Idrisiyyah yang didirikan oleh Shaikh Ahmad b. Idris.¹⁶ Catatan biografi tentang beliau menunjukkan bahawa dua rakannya dari Tarekat Naqshabandiyyah yang memperkenalkan beliau kepada guru Tarekat Ahmadiyyah dan salah seorangnya ialah al-Zzbākī sebagaimana yang dinyatakan di atas.

Semasa mula menjadi pengikut Shaikh Ahmad, beliau telah pun mendapat pendidikan ilmu tasawuf dan sudah mempunyai hubungan dengan beberapa reformis dalam dunia kesufian, tetapi orang yang berjaya menanam anjakan paradigma kepada beliau ialah Shaikh Ahmad. Beliau menjadi murid Shaikh Ahmad yang setia sehingga gurunya meninggal dunia pada tahun 1253H./1837M..¹⁷ Sepanjang menjadi murid Shaikh Ahmad, beliau terus belajar, mengarang kitab-kitab dan berkemungkinan besar turut mengajar orang ramai.

PENGEMBARAAN AL-MIRGHĀNĪ

Aliran pemikiran Shaikh Ahmad b. Idris yang bercorak missionari (disebarkan) telah membuatkan beliau mengambil keputusan untuk menghantar beberapa pengikutnya ke negara-negara Islam yang berdekatan untuk menyebar luaskan gagasannya. Bagi tujuan tersebut, al-Mirghānī yang merupakan salah seorang pengikut yang dipercayai oleh Shaikh Ahmad telah dihantar ke Etiopia di mana beliau telah mengunjungi kawasan Balghā. Pada masa itu, kepintaran dan kesabaran al-Mirghānī telah diuji yang menyebabkan akhirnya beliau kembali kepada gurunya di Makkah.¹⁸

¹⁵ Muḥammad ‘Uthmān al-Mirghānī, *al-Nafahāt*, hlm. 5-7; Ahmad b. Idris b. Muḥammad b. Nasā‘ih, *Kitāb al-Ibānah al-Nūriyyah fī Sha’n Sahib al-Tariqah al-Khatmiyyah* NRO, misc, 1/63/1126, NRO, *Amānat*, 1/14/59, f. 3; Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 56-57; John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 109.

¹⁶ J. S. Trimingham (1983), *op.cit.*, hlm. 232; John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 110-111.

¹⁷ Ahmad b. Idris, *Majmū‘ah al-Ahzāb wa Awrād wa Rasā’il*, Matba‘ah al-Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādih, Kaherah, 1940M., hlm. 335; J. S. Trimingham (1983), *op.cit.*, hlm. 233.

¹⁸ Ahmad b. Idris b. Muḥammad b. Nasā‘ih, *op.cit.*, f. 6.

Apabila usia al-Mirghānī mencapai dua puluh empat atau dua puluh lima tahun, beliau menemani gurunya Shaikh Ahmad mengembara ke Mesir. Di sana mereka mengajar orang ramai dan memberi syarahan dengan tujuan memperkenalkan doktrin tasawuf Shaikh Ahmad. Bagi al-Mirghānī, tempoh ini digunakan sepenuhnya untuk melatih dirinya sebagai guru dan pendakwah kerana beliau telah dihantar ke Manfalūt dan Asyut untuk memberikan syarahan kepada penduduk setempat.¹⁹

Semasa tinggal bersama gurunya di Mesir, al-Mirghānī memohon keizinan gurunya untuk meneruskan tugas dakwahnya dengan melanjutkan perjalanan ke Sudan. Namun pada peringkat permulaannya, Shaikh Ahmad keberatan untuk membenarkannya, tetapi akhirnya keizinan diberikan kepada al-Mirghānī untuk ke negara tersebut setelah melihat kesungguhannya. Kesungguhan beliau untuk ke Sudan dilihat sebagai salah satu usaha al-Mirghānī untuk meraih kejayaan dalam mengembangkan doktrin Shaikh Ahmad kerana beliau tidak berpuashati dengan kejayaan yang dicapai di Ethiopia dan Mesir. Walau bagaimanapun terdapat kenyataan bahawa pemergian beliau ke Sudan adalah atas dorongan pengetahuan tentang organisasi tarekat yang begitu lemah di sana berbanding dengan negara-negara lain yang berhampiran.²⁰

Oleh yang demikian pada 1231H./1815M., beliau menyusuri Sungai Nil secara bersendirian sehingga sampai di Sudan yang pada ketika itu berada di penghujung pemerintahan Funj.²¹ Dalam perjalannanya, beliau pernah singgah di Nubia di mana beliau mengunjungi Kunūz, Sukkūt dan Mahas yang memperlihatkan kejayaan beliau dalam melatih pengikut-pengikutnya. Beliau telah melantik Idris b. Muḥammad, sebagai *khalifah al-khulafā'* sebagai wakilnya untuk menyambung pengembangan doktrinnya.²²

Al-Mirghānī kemudiannya meneruskan perjalanan ke Donqola dan tinggal di sana buat beberapa ketika untuk mengajar pengikut-pengikutnya yang diantaranya ialah Ṣāliḥ Suwar al-Dhahab yang dikatakan telah menemani al-Mirghānī ke Barā di

¹⁹ Al-Mirghānī, *al-Nafāḥāt*, hlm. 3; ‘Abd al-Mālik b. ‘Abd al-Qādir b. ‘Alī al-Libī dalam *al-Fawā’id al-Jāliyyah fī Tārīkh al-‘A’iḷā al-Sanūsiyyah al-Hakimah fī Libyā* Damshiq, 1966, hlm. 13 menyebut tarikh perjalanan al-Mirghānī itu ialah pada 1230/1814-5. Lihat juga John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 111. ²⁰ Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 58.

²¹ M. A. Mac Michael, *A History of the Arabs in the Sudan*, Jil. 2, Cambridge, 1922, hlm. 383.

²² Ahmad b. Idris b. Muḥammad b. Nasā‘ih, *op.cit.*, f. 28; Untuk maklumat mengenai Idris, lihat E.A.W. Budge, *The Egyptian Sudan*, Jil. 1, London, 1904, hlm. 458-460.

Biografi dan Sumbangan Sheikh Muhammad ‘Uthmān al-Mirghānī (Tarekat Khatmiyyah)

Kordofan.²³ Dari Donqola, al-Mirghānī meneruskan perjalanan ke al-Dabbā. Semasa berada di sini, beliau berjaya menarik ramai ulama’ untuk mengikuti pengajarannya terutama dari kawasan Shaiqiyyah termasuk seorang ulama’ terkenal iaitu Ṣāliḥ b. ‘Abd al-Rahmān b. Muḥammad b. Ḥajj al-Duwaihi yang merupakan bapa kepada Shaikh Ibrāhīm al-Rashīd, murid kesayangan Shaikh Ahmad b. Idrīs.²⁴

Seterusnya al-Mirghānī bersama pengikut-pengikutnya telah pergi ke Barā di mana beliau telah melangsungkan perkahwinan dengan Ruqayyah b. Jallāb berketurunan Jallābah Hawwārah, iaitu keluarga ulama’ terkenal di Bādi. Perkahwinan ini telah melahirkan seorang anak yang diberi nama Muḥammad Ḥassan. Beliau tiba di Kordofan pada bulan Shawwal 1231H./September 1816M. dan tinggal di sana lebih kurang tiga tahun dan tiga bulan.²⁵ Al-Mirghānī dikatakan telah berjaya mencari pengaruh di kalangan masyarakat tersebut, dan pengikutnya dari penduduk tempat telah mencapai angka lebih kurang dua ratus orang. Antara golongan ulama’ yang menjadi muridnya ialah Ḥammād al-Baitī yang kemudiannya dikenali dengan gelaran *imām al-shammāl*.²⁶ ‘Arabi al-Khaṭīb al-Hawwāri, seorang alim dan ulama’ yang pernah dilantik sebagai *qādi* di wilayah Kordofan,²⁷ Ismā‘il al-Wālī yang telah pun menjalani cara hidup *khalwah* yang kemudiannya telah diberi gelaran sebagai *murshīd* oleh al-Mirghānī kerana kealiman dan kesungguhannya dalam beribadah. Selain itu, para pengikutnya dari kalangan Kordofan adalah seperti Badawi Abū Ṣafiyah, Ibrāhīm al-Barqawī, Mūsā al-Barqawī serta Muḥammad Bādi iaitu abang kepada isteri al-Mirghānī sendiri, Ruqayyah. Beliau dikenali ramai kerana ilmu dan karyanya dalam

²³ Ṣāliḥ Suwar al-Dhahab adalah dari keturunan Sūwar al-Dhahāb iaitu suatu keluarga ulama’ yang terkenal di bandar tersebut. Nama al-Dhahāb tidak disenaraikan dalam *Kitāb al-Ibānah*. Kemungkinan nama beliau telah disebut dalam surat al-Mirghānī di Kordofan yang bertarikh 1234/1818-9 yang ditulis kepada Shaykh Ahmad b. Idrīs. Lihat Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 59; John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 138-139; R. Hill, *A Biographical Dictionary of the Sudan*, London, 1967, hlm. 329; ‘Abd al-Qādir Mahmūd, *al-Tawā’if al-Sūfiyyah fī al-Sūdān. Ansābuhum wa Usūl Turāthuhim wa Falsafatihim*, Khartoum, 1971, hlm. 129.

²⁴ Muḥammad Khalīl al-Hajrāsī, *al-Qaṣr al-Murshīd fī al-Tawhīd wa fī Ṭariqah Sayyidī Ibrāhīm al-Rashīd*, Kaherah, 1314, hlm. 89; Che Zarrina binti Sa’ari, *Tariqah Ahmadiyyah*, hlm. 133-140.

²⁵ Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 60.

²⁶ *Imām al-Shammāl* bermaksud “*Imām of the left hand*”. Istilah ini popular di kalangan Sufi Sudan yang membawa maksud seseorang yang bergelar *Imām al-Shammāl* menduduki tempat di sebelah kiri *qutb*. Untuk keterangan lanjut lihat Ahmad b. Idrīs b. Muḥammad b. Naṣā‘ih, *op.cit.*, f. 9.

²⁷ Muḥammad ‘Abd al-Rahīm, *al-Nidā’ fī Daf‘ al-Iftirā*, Kaherah, 1952, hlm. 93.

bidang tasawuf dan ilmu zahir.²⁸ Ketika di Kordofan inilah, dua anak lelaki al-Mirghānī iaitu Ibrāhīm Tāj al-Khātim dan Ahmad Nūr al-Khātim telah meninggal dunia dan mereka telah dikebumikan di situ.²⁹

Selepas itu, al-Mirghānī telah pergi ke Jazīrah di mana beliau telah tinggal buat beberapa ketika di perkampungan Shādhili sebelum meneruskan perjalanan ke Sinnār. Beliau tiba di Sinnār pada tahun 1232H/1816-7M. di mana mendapat tentangan daripada beberapa orang ulama tempatan dan pemerintah.³⁰ Di sebalik penentangan tersebut, al-Mirghānī tetap mendapat sambutan daripada sejumlah ulama' termasuk Ahmad b. 'Isā, yang akhirnya menjadi sahabat akrab dengan al-Mirghānī dan keluarganya. Ahmad b. 'Isā telah mengajak pengikut-pengikutnya serta orang ramai untuk turut serta berguru kepada al-Mirghānī.³¹

Kemudiannya al-Mirghānī kembali ke al-'Ubayyid untuk beberapa ketika sebelum beliau memulakan perjalanan ke utara iaitu ke al-Matammah di mana beliau telah membina sebuah masjid dan berjaya mencari pengikut-pengikut dari kawasan tersebut. Selepas itu, beliau menyeberangi sungai ke Shendi dan tinggal di sana selama setahun. Anak perempuannya Umm Kalthūm telah meninggal dan dikebumikan di sini. Antara pengikutnya dari kawasan ini ialah 'Ali al-Juzūlī, Muhammād b. Sātī 'Ali yang dilantik sebagai *khalifah al-khulafā'* ke al-Khandaq serta Muhammād 'Uthmān b. al-Mubashshar yang dilantik sebagai *imām* di Masjid Shendi.³² Seterusnya al-Mirghānī ke al-Damar, Berber dan ke timur Sudan iaitu ke al-Tāka. Di al-Tāka, al-Mirghānī telah menujuhkan perkampungannya sendiri yang diberi nama al-Saniyyah yang berjaya menarik orang ramai dari seluruh pelusuk Sudan untuk datang belajar kepadanya.³³

Semasa al-Mirghānī menjelajah Sudan, gurunya Shaikh Ahmad seringkali mengutus surat kepadanya supaya beliau kembali ke Hijāz. Namun begitu, al-Mirghānī telah memberi pelbagai alasan sehingga dikatakan beliau sebenarnya enggan meninggalkan Sudan yang telah pun menyaksikan pertambahan pesat bilangan

²⁸ Ahmad b. Idris b. Muhammad b. Naṣā'ih, *op.cit.*, f. 11.

²⁹ Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 60.

³⁰ *Ibid.*, hlm. 61.

³¹ Ahmad b. Idris b. Muhammad b. Naṣā'ih, *op.cit.*, f. 12, 33.

³² *Ibid.*, ff. 15-16; 'Abd al-Mahmūd Nūr al-Da'im, *Azāhir al-Riyād fi Manāqib al-Ārif bi Allāh al-Shaikh Ahmad al-Tayyib*, Khartoum, 1954, hlm. 329.

³³ Ahmad b. Idris b. Muhammad b. Naṣā'ih, *op.cit.*, f. 19.

Biografi dan Sumbangan Sheikh Muhammad ‘Uthmān al-Mirghānī (Tarekat Khatmiyyah)

pengikut-pengikutnya. Walau bagaimanapun, setelah didesak beberapa kali, akhirnya al-Mirghānī kembali ke pangkuhan gurunya di mana beliau pulang ke Makkah melalui Muṣṣawā‘. Terdapat kenyataan yang mengatakan bahawa sekembalinya al-Mirghānī ke Makkah, maka beliau tidak lagi mengunjungi negara Sudan. Tetapi kenyataan tersebut boleh dikira meleset kerana selepas itu, al-Mirghānī telah mengunjungi Sudan sebanyak tiga kali iaitu, pertamanya ketika beliau ke al-Tāka melalui Muṣṣawā‘ bersama isterinya Ruqayyah dan anaknya Muhammad Ḥassan; keduanya ketika beliau ke Sawākin pada tahun 1248H./1832M.; dan yang terakhir ialah ketika beliau bersama anaknya Muhammad Ḥassan ke Sudan melalui Sawākin.³⁴

Walaupun beliau berhenti di beberapa daerah di negeri Sudan, namun masa yang diambil oleh beliau dikatakan tidak terlalu lama. Mungkin perjalanan beliau di negara Sudan hanya mengambil masa selama lapan hingga sembilan tahun sahaja. Kembalinya al-Mirghānī ke Ḥijāz tidak pernah melupakan minatnya terhadap negara Sudan. Beliau telah menyemai perhubungan dengan penduduk Sudan melalui ikatan perkahwinan dan para jemaah haji Sudan yang menunaikan fardu haji di kota Makkah.³⁵ Keadaan ini menunjukkan di sebalik pemergian al-Mirghānī ke Sudan sebagai *khalīfah*³⁶ Shaikh Ahmad, beliau sempat mempelajari tentang pemikiran dan budaya setempat masyarakat Sudan secara lebih dekat lagi. Dan situasi inilah yang menolong pengembangan Tarekat Khatmiyyah yang diasaskan oleh beliau berkembang luas di negara tersebut.

Menurut catatan sejarah, al-Mirghānī turut serta bersama gurunya meninggalkan Makkah pada tahun 1243H./1827M. untuk ke Ṣabyā³⁷ tetapi beliau kembali semula ke Makkah sebelum 1244H./1828M.

³⁴ A. Le Chatelier, *op.cit.*, hlm. 231-233; al-Mirghānī, *op.cit.*, hlm. 112; J. S. Trimingham (1983), *op.cit.*, hlm. 233.

³⁵ John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 113-114.

³⁶ Bermaksud wakil atau naib kepada *murshid* yang dihantar ke mana-mana tempat untuk menyebarluaskan sesuatu doktrin. Ia juga bermaksud seseorang *murshid* muridnya untuk mengetua sesuatu kawasan semasa ketidaaan gurunya.

³⁷ Ahmad b. Idris, *op.cit.*, hlm. 35; J. S. Trimingham, *op.cit.*, hlm. 233.

PEMBENTUKAN TAREKAT KHATMIYYAH

Salah satu faktor yang mendorong al-Mirghānī mendirikan tarekatnya sendiri iaitu Tarekat Khatmiyyah adalah kerana beberapa peristiwa yang berlaku semasa beliau bersama Shaikh Ahmad b. Idris.³⁸ Salah satu faktor utamanya ialah metod yang diperaktikkan oleh Shaikh Ahmad untuk mengembangkan tarekatnya dengan menghantar pengikut-pengikutnya ke beberapa kawasan dan antaranya yang dihantar ialah al-Mirghānī sendiri. Perjalanan beliau yang memakan masa yang panjang telah memberi inspirasi kepada al-Mirghānī untuk membentuk organisasi tarekatnya sendiri. Walau bagaimanapun, persoalan tentang bila dan di mana beliau mendirikan tarekat tersebut menjadi perbincangan panjang di kalangan para pengkjinya.

Melihat kepada hubungan yang wujud di antara al-Mirghānī dengan gurunya Shaikh Ahmad menunjukkan hubungan yang sukar diinterpretasikan. Menyorot kembali sejarah perjalanan al-Mirghānī sebagai *khalifah* Shaikh Ahmad, membayangkan bahawa perjalanan pertamanya yang ketika itu beliau baru mencecah usia dua puluh enam tahun adalah direstui oleh gurunya. Menurut catatan yang terdapat dalam *Makhtūtāt*,³⁹ pada masa itu beliau memperkenalkan ajarannya sebagai “jalannya” (*tariqoh* atau *tariqatuh*), tetapi tidak pernah menyebut nama rasminya. Namun begitu, beliau terus memperkenalkan dirinya kepada orang ramai sebagai murid dan *khalifah* Shaikh Ahmad b. Idris. Beliau juga dikatakan tidak pernah menyebut nama Tarekat Khatmiyyah dalam surat-surat yang sering dihantar kepada gurunya, Shaikh Ahmad. Menurut Ali Salih Karrar, setakat yang dapat dikesan, nama Tarekat Khatmiyyah telah disebut secara terang-terangan oleh pengikut al-Mirghānī iaitu Ismā‘il al-Wālī dalam karyanya yang berjudul *Kitāb al-‘Uhūd al-Wāfiyyah* yang ditulis pada bulan Ramadan 1239/Mei 1824. Catatan tersebut dipetik oleh Ali Salih Karrar dan diterjemahkan sebagai berikut:

“It took the tariqa from him, that is his tariqa known as the Khatmiyya.”⁴⁰

Tarekat Khatmiyyah diasaskan secara formal selepas kematian Shaikh Ahmad b. Idris. Apabila gurunya meninggal dunia, masalah kepimpinan mula dipersoalkan⁴¹ dan

³⁸ J.S. Trimingham, *Islam in Ethiopia*, Frank Cass and Co. Ltd., London, t.t., hlm. 244.

³⁹ *Makhtūtāt Kitāb al-Shūna fi Tarīkh al-Saltanah al-Sinnariyyah wa al-Idarah al-Misriyyah* (ed.) al-Shāṭir al-Busaylī ‘Abd al-Jalīl, Kaherah, 1963, hlm. 73-76; lihat juga Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 64.

⁴⁰ Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 64.

⁴¹ Che Zarrina binti Sa’ari, *Tariqat Ahmadiyyah: Suatu Kajian di Negeri Kelantan Darul Naim* Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya 1993 yang tidak diterbitkan, hlm. 138-139.

Biografi dan Sumbangan Sheikh Muhammad ‘Uthmān al-Mirghānī (Tarekat Khatmiyyah)

apabila tiada kata sepakat yang dapat di ambil, masing-masing mula mengasaskan tarekat mengikut aliran tersendiri.⁴²

Semasa perselisihan berlaku di antara ketiga-tiga murid Shaikh Ahmad b. Idrīs iaitu Ibrāhīm al-Rashīd, Muḥammad ‘Uthmān al-Mirghānī dan Muḥammad ‘Alī al-Sanūsī, Ibrāhīm al-Rashīd meninggalkan ‘Asir menuju ke Mesir. Namun perselisihan dan perebutan di antara al-Sanūsī dan al-Mirghānī terus berlaku. Kemudian masing-masing meninggalkan ‘Asir menuju ke Makkah untuk mencari pengaruh.⁴³ Di Kota Makkah, kedua-duanya membina *zawiyah*⁴⁴ dan berusaha mencari pengaruh dan sokongan orang ramai. Al-Sanūsī tidak begitu mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkannya, sementara al-Mirghānī pula mencuba nasibnya di bandar-bandar yang masih di bawah kekuasaan kerajaan Mesir.⁴⁵ Beliau berjaya meraih sokongan ulama Makkah yang tidak sukaan orang-orang asing seperti al-Sanūsī yang berasal dari Moroko. Beliau juga berjaya mendapat sokongan daripada pemerintah tempatan dan secara tidak langsung telah mewujudkan hubungan erat dengan pemerintah Mesir di Hijāz. Situasi ini juga menjadi asas kepada hubungan antara Tarekat Khatmiyyah dengan kerajaan Mesir di Sudan.⁴⁶ Semasa berada di sini, al-Mirghānī telah melengkapkan doktrin dan peraturan Tarekat Khatmiyyahnya dan secara tidak langsung telah mendirikan tarekat tersebut secara rasmi.

PERKEMBANGAN TAREKAT KHATMIYYAH

Hasil usaha yang gigih daripada al-Mirghānī ini menyebabkan Tarekat Khatmiyyah berjaya dikembangkan ke seluruh pelusuk dunia Arab, di antaranya ialah di Selatan dan Barat Tanah Arab, di Afrika sepanjang Laut Merah, Sudan dan Mesir. Bersumberkan inspirasi Shaikh Ahmad b. Idrīs, al-Mirghānī telah menghantar anaknya Muḥammad Sirr al-Khatm (1230H./1814-5M.-1280H./1863-4M.) ke Yaman dan Hadramaut, manakala Muḥammad Hassan (1819-1869M.) anak hasil perkahwinannya dengan Ruqayyah, rakyat Sudan, dihantar kembali ke Sudan setelah mendapat pelajaran dan pendidikan di Hijāz. Sementara seorang lagi anaknya tetap tinggal

⁴² Ahmad b. Idrīs, *op.cit.*, hlm. 52-53.

⁴³ J. S. Trimingham, *op.cit.*, hlm. 229; Louis Rinn, *Marabouts Et Kouan*, Alger, 1884, hlm. 406; John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 114.

⁴⁴ Ialah tempat kumpulan tarekat berkumpul dan menjalankan aktiviti tarekat masing-masing.

⁴⁵ Nicola A. Ziadeh, *Sanusiyah: A Study of a Revivalist Movement in Islam*, Leiden, 1983, hlm. 3; A. Le Chatelier, *op.cit.*, hlm. 231; John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 114-115.

⁴⁶ John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 115.

bersamanya dan beliau sentiasa menghantar anak tersebut mengunjungi beberapa tempat dari masa ke semasa.⁴⁷ Al-Mirghānī turut mendirikan *zawāyā*nya di merata tempat berhampiran kota Makkah termasuk Madinah, Jeddah dan Tā’if. Walau bagaimanapun tarekat ini tetap berpusat di Hijāz sehingga hampir dengan saat kematiannya, al-Mirghānī telah berpindah ke Tā’if dan meninggal di situ pada 22 Shawwal 1268H./2 Mei 1852-3M..⁴⁸

Di kalangan para ulama, al-Mirghānī lebih dikenali sebagai seorang guru dan bukannya seorang aktivis reformis sebagaimana gurunya Shaikh Ahmad. Walau bagaimanapun, usaha-usaha beliau dalam menangani permasalahan ummah boleh meletakkan beliau sebagai seorang reformis, di samping matlamat utama tarekatnya sama dengan matlamat yang diajukan oleh Shaikh Ahmad b. Idrīs iaitu untuk memperolehi pemurnian diri setakat yang dapat dicapai oleh manusia yang ideanya disalurkan melalui tarekat.⁴⁹ Oleh itu, al-Mirghānī yang pernah menjadi muridnya adalah antara orang-orang yang turut menyambung usaha-usaha tersebut.⁵⁰

Al-Mirghānī melihat cara penyelesaian bagi membentras kelemahan umat Islam, antara lain ialah dengan metodologi tarekat. Di samping itu juga, beliau berpendapat bahawa penyatuan antara umat Islam amat penting untuk membangkitkan kembali umat Islam yang semakin tenggelam dalam arus kehidupan dunia. Kedua-dua perkara tersebut merupakan alasan kepada pembentukan Tarekat Khatmiyyah. Menurut al-Mirghānī, Tarekat Khatmiyyah⁵¹ adalah hasil dari percampuran lima buah tarekat terbesar yang diceburi dan dipelajarinya iaitu Naqshabandiyah, Qādiriyah, Shādhiliyyah, Junaidiyah dan Mirghāniyyah. Beliau juga mendakwa Rasulullah s.a.w. telah memerintah beliau supaya mendirikan sebuah tarekat sebagai “alat kenderaan bagi lima buah tarekat yang sedia ada.”⁵²

⁴⁷ J. S. Trimingham, *op.cit.*, hlm. 233; A. Le Chatelier, *op.cit.*, hlm. 234; John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 116.

⁴⁸ J. S. Trimingham, *op.cit.*, hlm. 233; Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 66.

⁴⁹ Lihat Che Zarrina Sa’ari, “Biografi Shaikh Ahmad b. Idrīs dan Sumbangannya Terhadap Alam Kesufian”, *Jurnal AFKAR*, bil. 1, Jun 2000, Jab. Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 39-40.

⁵⁰ J.S. Trimingham, *op.cit.*, hlm. 233; John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 120; Constance E. Padwick, *Muslim Devotions*, London, 1950, hlm. xix.

⁵¹ John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 118; J.S. Trimingham, *op.cit.*, hlm. 233; A.J Arberry, *Sufism Ethical and Religious Classics of East and West*, London, 1950, hlm. 101.

⁵² J.S. Trimingham (t.t.), *op. cit.*, hlm. 244; J. S. Trimingham (1983), *op.cit.*, hlm. 232-233; al-Mirghānī, *op. cit.*, hlm. 2-3; Ahmad Sa’d ‘Ali, *op. cit.*, hlm. 7; John Obert Voll, *op. cit.*, hlm. 118.

Biografi dan Sumbangan Sheikh Muhammad ‘Uthmān al-Mirghānī (Tarekat Khatmiyyah)

PENGARUH SHAIKH AHMAD B. IDRĪS TERHADAP AL-MIRGHĀNĪ

Walau pun Muhammad ‘Uthmān Al-Mirghānī tidak mengaku secara langsung bahawa beliau terpengaruh dengan gurunya Shaikh Ahmad b. Idrīs, tetapi banyak kenyataan yang menunjukkan bahawa beliau telah terpengaruh dengan doktrin yang dikemukakan oleh gurunya samada secara langsung mahu pun tidak langsung. Keadaan ini disokong dengan catatan sejarah yang banyak memperlihatkan masa yang panjang telah dihabiskan oleh al-Mirghānī bersama gurunya terutama ketika menemani gurunya itu keluar memperkenalkan Tarekat Ahmadiyyah. Di samping itu, matlamat dan objektif Tarekat Khatmiyyah adalah sama dengan cara dan konsep spiritual yang ditonjolkan oleh Shaikh Ahmad dalam Tarekat Ahmadiyyahnya.⁵³

Selain itu beliau juga turut mengembangkan Tarekat Khatmiyyah menggunakan metodologi yang sama seperti metodologi Shaikh Ahmad iaitu menghantar *khalīfah* atau perwakilan ke beberapa kawasan untuk memperkenalkan doktrinnya. Dalam *mentarbiyah* murid-murid, didapati kedua-duanya menggunakan sikap bertolak ansur kepada murid masing-masing dalam usaha mendidik mereka mengenal Islam yang sebenarnya. Walaupun kedua-duanya adalah aktivis reformis, namun mereka tidak menggunakan kekerasan untuk memperbaiki keadaan masyarakat pada masa itu. Kedua-duanya juga lebih suka dikenali sebagai ulama berdisiplin dan sebagai ahli sufi yang memberi perhatian serius terhadap pengurusan rohani. Persamaan-persamaan sifat dan sikap al-Mirghānī dan gurunya turut membayangkan adanya pengaruh Shaikh Ahmad terhadap beliau samada secara langsung mahu pun tidak.

Salah satu persamaan yang nyata di antara al-Mirghānī dan gurunya ialah mereka berdua bercita-cita untuk menyatupadukan umat Islam, lebih-lebih lagi di kalangan ahli sufi sendiri. Kedua-duanya melihat bahawa kelemahan umat Islam yang paling ketara ialah dilihat sebagai hasil dari perpecahan sesama sendiri. Sebagai penerusan idea gurunya yang berpendapat bahawa jalan paling baik untuk menyatukan umat Islam ialah melalui jalan tarekat, maka al-Mirghānī juga turut mendirikan tarekatnya tersendiri yang banyak mengguna pakai asas-asas doktrin dan peraturan yang sedia ada dalam Tarekat Ahmadiyyah.⁵⁴ Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan nama tarekat itu sendiri yang merujuk kepada harapan penyatuan (*unity*) kerana tarekat tersebut dikatakan sebagai “*khatim al-turuq*” atau “*seal of the tariqah*”.⁵⁵ Al-Mirghānī sendiri

⁵³ Lihat Ali Salih Karrar, *op. cit.*, bab enam dan tujuh yang membincangkan struktur organisasi, doktrin dan peraturan Tarekat Khatmiyyah.

⁵⁴ John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 117.

⁵⁵ J.S. Trimingham, *Islam in the Sudan*, hlm. 234; Le Chatelier, *op.cit.*, hlm. 228.

telah digelar sebagai “*al-Khatm*” yang merujuk kepada “*concept of a person who is the seal of the age because of his knowledge of God.*”⁵⁶ Menurut John Obert Voll, gelaran itu menunjukkan bahawa al-Mirghānī melihat dirinya dan tarekatnya sebagai jalan untuk mencapai penyatuan ummah, sekurang-kurangnya penyatuan spiritual umat Islam.⁵⁷

Namun realitinya, cita-cita dan harapan al-Mirghānī untuk menyatukan tarekat-tarekat yang sedia ada terutama lima buah tarekat iaitu Naqshabandiyah, Qādiriyah, Shādhiliyyah, Junaidiyah dan Mirghāniyyah tidak mencapai hasil yang diharapkan. Malahan Tarekat Khatmiyyah telah dilihat sebagai kemunculan sebuah tarekat lagi dalam dunia sufi yang mempunyai ketua-ketua tersendiri dan bukannya merupakan sintesis dari kelima-lima buah tarekat tersebut. Namun begitu, Tarekat Khatmiyyah dikatakan telah berjaya menggabung jalin pelbagai zikir dan doa yang telah diterima pakai oleh tarekat-tarekat yang wujud sebelumnya dan ianya telah diterima sebagai asas dan dasar tarekat tersebut. Koleksi zikir dan doa serta beberapa doktrin dan peraturan tarekat ini boleh dilihat dalam *Majmū’ah Rasā’il Mirghāniyyah fī ‘Ādāb al-Tariqah al-Khatmiyyah*.⁵⁸

FAKTOR KEJAYAAN AL-MIRGHĀNĪ

Secara keseluruhannya, visi dan misi al-Mirghānī dalam konteks pengembangan tarekat telah mencapai kejayaan pencapaian ini adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor yang wujud samada secara langsung mahu pun tidak.

Misi al-Mirghānī telah mencapai kejayaan terutama di sebelah utara dan timur Sudan yang pada ketika itu di bawah penguasaan Kerajaan Funj yang kemungkinan besar menolak perkembangan tarekat-tarekat sedia ada kerana mereka mendapat sokongan daripada kalangan keluarga pemerintah tempatan. Situasi ini membuka ruang kepada al-Mirghānī untuk memperkenalkan doktrin barunya dan tidak mendapat tentangan secara langsung daripada pihak kerajaan Funj. Tambahan pula, al-Mirghānī telah berjaya memenangi hati beberapa tokoh peniaga terkemuka seperti Muhammad Ṣāliḥ Shadul dari kawasan Khandaq yang juga merupakan ahli keluarga kepada Bidairiyah, Hawwārah dan Tiraifiyyah dari Kurti dan Kordofan. Selain itu, al-Mirghānī juga telah disokong oleh golongan-golongan ulama’ sufi yang terdiri

⁵⁶ A.J. Arberry, *Sufism (Ethical and Religious Classics of East and West)*, Bil. 2, George Allen & Unwin, London, 1950, hlm. 101.

⁵⁷ John Obert Voll, *op.cit.*, hlm. 119.

⁵⁸ Terbitan Muhammad ‘Afandi ‘Ali Ṣābiḥ, Kaherah, 1929.

Biografi dan Sumbangan Sheikh Muhammad ‘Uthmān al-Mirghānī (Tarekat Khatmiyyah)

daripada kalangan keluarga ulama’ ternama dan ketua-ketua kaum. Oleh yang demikian, beliau mendapat sokongan padu sebagai contohnya daripada Suwār al-Dhahāb yang menukar ketaatan dari Tarekat Qādiriyah ke Tarekat Khatmiyyah. Begitu juga dengan Ahmad ‘Isā yang asalnya adalah pengikut Tarekat Sammāniyyah.⁵⁹

Kejayaan al-Mirghānī juga dilihat sebagai hasil dari personaliti dan kebolehannya sebagai ahli sufi dan ulama’ sejajar dengan ajarannya yang dikembangkannya. Di samping itu, faktor keluarga juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap ajarannya. Ini adalah kerana beliau yang berasal dari keluarga ulama’ ternama yang menempa nama di kalangan ulama’ Tanah Arab, apalah lagi apabila datuknya al-Mahjūb turut mempunyai ramai pengikut termasuklah dari negara Sudan sendiri.⁶⁰ Selain dari itu, kedudukan al-Mirghānī sebagai murid kepada Shaikh Ahmad b. Idris yang memang terkenal pada masa tersebut terutama di kalangan ahli sufi.

Faktor lain yang turut menyumbang kepada kejayaan al-Mirghānī ialah kerana beliau seringkali dihubungkaitkan dengan Rasulullah s.’a.w. melalui pertalian darah. Malahan *common phrase* yang selalu digunakan merujuk kepada beliau ialah “al-Sayyid Muhammad ‘Uthmān al-ladhi jadduh al-nabi”. Dakwaan keluarga beliau tentang pertalian darah ini yang disertai dengan bukti-bukti yang jelas telah pun menjadi pengetahuan umum kepada masyarakat Arab pada masa tersebut.⁶¹

Ajaran berbentuk sederhana yang menjadi asas pegangan al-Mirghānī turut menarik minat orang ramai. Sebagai contoh, al-Mirghānī tidak sukakan cara berpakaian yang melampau dan zuhud yang keterlaluan. Malahan beliau menyarankan pengikutnya untuk menjaga penampilan diri. Menurut catatan dalam *Kitāb al-Ibanāh*, al-Mirghānī telah mewujudkan tradisi memberi hadiah berupa jubah berlengan panjang yang pada kebiasaan dibuat dari sutera atau pun kain kapas yang dipanggil sebagai *quftān* dan jubah untuk lapisan luar yang dipanggil sebagai *jibbah* kepada wakil-wakil seniornya. Beliau juga sering memberikan *cloak* bulu yang dinamakan ‘ibāyah dan jubah bulu yang dikenali sebagai *farajiyah* untuk dipakai pada musim sejuk.⁶²

Al-Mirghānī juga turut berjaya menarik minat orang ramai yang tidak terlibat dengan mana-mana organisasi tarekat sedia. Kecenderungan ini dapat dilihat sebagai

⁵⁹ Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 68-69.

⁶⁰ ‘Abd al-Mahmūd Nūr al-Dā’im, *op.cit.*, hlm. 71-72; Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 69.

⁶¹ Ali Salih Karrar, *op.cit.*, hlm. 69.

⁶² Ahmad b. Idris b. Muhammad b. Nasā‘ih, *op.cit.*, f. 106.

berpunca dari ketidakstabilan politik dan perperangan di antara etnik yang berlangsung sekian lama, dan al-Mirghānī dilihat sebagai orang luar yang neutral dalam politik dan tidak terlibat dengan kemasyarakatan setempat secara langsung. Oleh yang demikian, al-Mirghānī telah digelar sebagai “*wise stranger*” yang dipercayai mampu membawa kepada kestabilan sosial dan memberi identiti diri kepada golongan etnik minoriti.⁶³

KESIMPULAN

Muhammad ‘Uthmān al-Mirghānī adalah seorang ahli sufi yang bertindak sebagai guru, penceramah, aktivis dan reformis dalam usaha untuk mengembalikan kegemilangan umat Islam. Metodologi yang digunakan oleh beliau untuk menyatukan umat Islam adalah berdasarkan cita-cita dan harapan sufi iaitu melalui pengembangan tarekat yang dilihat mampu memperbaiki hati manusia untuk menuju kepada keredaan Allah Taala. Hasil usaha beliau yang gigih menjelajah ke beberapa bahagian Tanah Arab terutama Sudan telah mencetuskan hasil yang lumayan di mana Tarekat Khatmiyyah yang didirikannya telah diterima ramai dan berkembang pesat sebagai satu lagi alternatif kepada mereka yang meminati jalan tasawuf.